

gambarkan dengan perkataan.

Setiap malam bermula malam pertama Rabiulawal dan seterusnya pada malam-malam sehingga kemuncaknya pada malam 12 Rabiulawal ada rahasia dan keunikannya sendiri dari segi maqam kenikmatan yang di rasa.

Lebih-lebih lagi pada mereka yang mengambil bahagian yang aktif dengan melaungkan zikir-zikir dan qasidah-qashidah dan yang membelanjakan harta benda untuk memberi makan kepada hadirin atau menyediakan juadah-juadah. Semua mereka akan dapat bahagian masing-masing dari barakah-barakah Nabi yang tidak terkira.

Rasa kasih sayang di antara satu sama lain dapat dirasakan dan tiada ada rasa permusuhan atau iri hati dalam majlis Maulid, yang tidak kenal pun akan memberi senyuman di antara satu sama lain semuanya barakat Maulid.

Sekarang ini kehilangan rasa kasih sayang di antara suami isteri, anak-beranak, adik-beradik, guru dan pelajar-pelajar, saudara mara, sahabat handai dan sesama Muslim sangat ketara kerana perubahan-perubahan hidup yang tidak dapat di kawal.

Jadi Maulid Nabi adalah suatu jalan yang mudah untuk mengembalikan semula rasa kasih sayang di antara ummat Nabi Muhammad saw.

Ulama-ulama dan orang-orang saleh sedar akan hilangnya rasa kasih sayang di akhir zaman dan berkat visi mereka, telah di berikan kepada kita bacaan zikir, selawat, qasidah-qasidah memuji Rasulullah saw dan kisah-kisah dan riwayat hidupnya, terutama sekali Diba'i dan Barzanji.

Mereka yang tidak kesempatan untuk menyambut Maulid pun akan dapat barakah selagi mereka sibuk dengan melakukan sunnah-sunnah Nabi yang lain seperti menuntut ilmu, membuat kerja dakwah atau menolong fakir miskin, anak-anak yatim dan orang-orang tua di rumah-rumah tumpangan.

Besar kemungkinan mereka mendapat pahala dan ganjaran yang lebih daripada mereka yang menghadiri majlis Maulid.

Tetapi yang sedihnya ada golongan yang membuat kerja-kerja mulia ini tetapi memandang rendah terhadap mereka yang menyambut Maulid dan menuduh mereka melakukan suatu bidaah yang menyesatkan.

Orang yang menyambut Maulid tidak pernah mengutuk orang yang tidak menyambut Maulid terutama mereka yang berminat membuat kerja kebajikan seperti mengendali rumah-rumah tumpangan untuk budak-budak nakal dan orang-orang tua.

Banyak pahala yang diperolehi daripada amalan-amalan ini dan tidaklah wajar dibuang dengan mengutuk Maulid sebab ini akan merosakan amal-amal jariah tersebut.

Mereka yang menyambut Maulid pula juga harus melibatkan diri di dalam kegiatan seperti ini demi memastikan amalan yang lebih seimbang.

Antara alasan yang diberi untuk pandangan buruk mereka terhadap majlis Maulid seperti pembasiran makanan dan lain-lain dan pembelanjaan yang boleh disalurkan kepada kegiatan masyarakat yang lebih memerlukan. Tetapi Nabi sendiri menganjurkan pemberian makanan kepada sesama Muslim dan perkara remeh-temeh ini yang boleh menggugat perpaduan ummah iaitu tujuan utama sambutan Maulid harus sudah tidak timbul lagi untuk selama-lamanya.

Keberkatan majlis Maulid dapat dilihat dari segi ketiadaan perbezaan mazhab, tarikat atau perkara-perkara iktilaf yang timbul ketika sambutan Maulid. Dengan Rahmat Allah yang begitu luas, Maulid menunjukkan bahawa semua orang Islam itu bersaudara dengan satu suara melaungkan zikir, qasidah dan lain-lain yang tidak boleh di pertikaikan oleh sesiapa sahaja kerana ia mengandungi kisah dan riwayat hidup Nabi Muhammad saw.

Sudah jelas bahawa Maulid Nabi telah dan akan sentiasa meningkatkan keimanan, ketaqwaan, marhabah dan makrifat kita kepada Allah, Nabi Muhammad saw dan di antara kita semua ummat Muhammad yang masih hidup dan yang telah kembali ke Rahmatullah.